

P.U.(A) 235/2016

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (DANA
PAMPASAN PASARAN MODAL) (CARUMAN) (PINDAAN) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 160(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Dana Pampasan Pasaran Modal) (Caruman) (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 7 September 2016.

Pindaan Jadual 1

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Dana Pampasan Pasaran Modal) (Caruman) 2012 [*P.U. (A) 482/2012*] dipinda dalam Bahagian 1 Jadual 1 dengan memasukkan selepas butiran “Peserta niaga atau seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan kumpulan wang, yang berniaga dalam derivatif dalam Bursa Ditetapkan” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

Orang yang berkaitan	Caruman	
	Apabila dilesenkan	Pada tarikh ulang tahun
“Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang berniaga dalam sekuriti dan berniaga dalam derivatif yang diarahkan oleh Suruhanjaya untuk menjadi anggota suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan oleh Suruhanjaya bagi penyelesaian pertikaian atau tuntutan	RM30,000.00	RM5,000.00”.

”.

Dibuat 2 September 2016

[SC/GC(R&R)/Subsidiary-CMCF Exemption/2015(201)-1;KK/SID/P/(S)/483/669/4 JLD.2 (SK.4);PN(PU2) 662/XIII]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua